

♥17/05/15-33MST

U GB 17-05 00213 BA345

aab

(Ulangan - membetulkan para pertama)

Mahathir - Telekomunikasi

M'SIA HARUS ADA TEKNOLOGI UNTUK SERTAI KAMPUNG SEJAGAT

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Malaysia perlu menyertai secara meluas dalam industri telekomunikasi menerusi satelit jika ingin bersama-sama mendapat keuntungan daripada konsep "kampung sejagat," yang berdasarkan kepada rangkaian telekomunikasi menerusi satelit yang tidak mengenal sempadan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kegagalan syarikat-syarikat Malaysia untuk bersama-sama dalam industri ini akan menyebabkan industri itu dimonopoli oleh syarikat-syarikat gergasi negara maju sahaja.

Katanya, disebabkan monopoli itu, Malaysia bukan sahaja tidak akan mendapat hasil dan pendapatan malahan akan dibanjiri maklumat dan hiburan yang boleh merosakkan budaya tempatan.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat Malaysia harus melabur dan membabitkan diri dalam proses pengubalan konsep itu dan menguasai teknologi dan pasaran antarabangsa bersama.

Semasa melancarkan Dasar Telekomunikasi Negara (DTN) sempena Hari Telekomunikasi Sedunia di sini, Perdana Menteri berkata: "Jika kita tidak berhati-hati dan bersedia mengambil bahagian, industri ini akan menjadi monopoli sesetengah pihak sahaja."

Katanya konsep kampung sejagat itu menganjurkan dunia tanpa sempadan yang memberi gambaran kemampuan rangkaian telekomunikasi melalui satelit dan hubungan kabel yang dapat memindah suara, data dan imej dengan pantas dan cekap tanpa menghiraukan sekatan sempadan. -- Lagi.

CNS2014

U GB 17-05 00156 BA340

aab

Mahathir - Telekomunikasi 2 Kuala Lumpur

Perubahan besar yang berlaku dalam industri telekomunikasi menimbulkan pelbagai isu berhubung dengan pengurusan perubahan. Segala itu perlu ditangani dan dikawalselia secara sempurna untuk membangunkan industri berkenaan dalam memberi manfaat kepada pengguna.

Bagaimanapun, menurut Dr Mahathir, bidang kawalselia telekomunikasi negara masih belum sempurna. Sehubungan itu, beliau mengesyorkan supaya isu berhubung dengan perlesenan, satu daripada bidang kawal selia, dikaji untuk menjadikannya lebih berkesan.

Katanya masa ini lesen adalah berdasarkan kepada teknologi dan tidak berdasarkan kepada perkhidmatan kerana lesen telekomunikasi diberi atas permintaan individu tertentu atau firma.

Pada masa akan datang, Perdana Menteri berkata isu berkenaan perlu pendekatan pada aspek perkhidmatan daripada aspek teknologi dan para pengawalselia perlu peka kepada inovasi terkini serta bersikap perlukan kemajuan.

Menerusi pendekatan itu, kata Dr Mahathir, para pengawalselia akan selalu berada dua langkah di hadapan sektor swasta dalam perkembangan teknologi bidang telekomunikasi. -- Lagi.

♥17/05/13-36MST

R GB 17-05 00143 BA341

aab

Mahathir - Telekomunikasi 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata dalam mengejar pembangunan ekonomi yang pesat, keperluan asas penduduk luar bandar tidak harus diketepikan walaupun perkhidmatan telekomunikasi di bandar lebih menguntungkan.

Katanya tanggungjawab sosial yang sewajarnya harus juga diberikan kepada peningkatan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan luar bandar. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberi pendedahan kemajuan telekomunikasi kepada semua rakyat.

Terdahulu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Seri S.Samy Vellu berkata tanpa sebuah rangkaian telekomunikasi moden, terkini dan canggih, agak sukar bagi Malaysia mencapai taraf negara perindustrian.

Katanya sektor telekomunikasi akan memainkan peranan penting menghubungkan sektor ekonomi dengan sektor-sektor lain dan antara Malaysia dengan negara-negara lain.

Negara memerlukan rangkaian telekomunikasi yang moden untuk meningkatkan daya saing dan sektor itu amat penting untuk mendukung serta membantu pertumbuhan ekonomi. -- Lagi.

▼17/05/13-42MST

R GB 17-05 00166 BA348

aab

Mahathir - Telekomunikasi 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Menurut Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, DTN menggariskan secara makro dan mikro halatuju industri telekomunikasi negara sebagai penggerak kepada pembangunan negara yang pesat dan berterusan.

Falsafah, objektif dan strategi DTN diperjelaskan secara menyeluruh supaya pihak-pihak yang berkepentingan dalam industri itu termasuk para pengguna dan rakyat umum memahami dan menjuruskan daya usaha masing-masing ke arah pencapaian objektif DTN.

Dasar itu yang dilancarkan untuk tempoh 1994-2020, menggariskan peranannya sebagai penggerak utama ke arah kemajuan dan pembangunan sektor telekomunikasi supaya menjadi sebuah sektor moden, canggih dan dinamik, selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai taraf negara perindustrian yang progresif.

DTN menggariskan secara umum pembangunan sektor itu bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga di arena antarabangsa sebagai panduan kepada semua pihak termasuk para pengusaha, pelabur dan sektor awam khususnya daripada segi keperluan pembangunan sumber manusia, kemudahan rangkaian dan perkhidmatan, penyerapan teknologi baru serta penyelidikan dan pembangunan.

-- Bernama

ZV NMO

▼17/05/14-32MST